

→ PENDIDIKAN

**ANTARA INISIATIF DAN
PENCAPAIAN KPM 2018**

1. Kajian bagi mengurangkan beban dan tugas yang tidak relevan termasuk kerja perkeranian.
2. Memansuhkan dasar senarai hitam ke atas peminjam PTPTN. Langkah ini memanfaatkan seramai 429,945 peminjam.
3. Kajian komprehensif ke arah pemansuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Buat permulaan, Seksyen 15(2)(c) AUKU telah dimansuhkan.
4. Semua 20 Universiti Awam (UA) telah menerima status autonomi.
5. Menghidupkan kembali Sudut Pidato bagi memberi ruang lebih luas kepada mahasiswa untuk bersuara.



6. Jawatankuasa Kajian Semula Sistem Pendidikan Negara diadakan untuk menyemak dasar dan operasi sistem pendidikan agar sesuai

KPM sasar kecemerlangan sistem pendidikan holistik

→ Lebih banyak inisiatif baharu diperkenal bagi tambah baik, pemerkasaan sepanjang 2019

► Putrajaya

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 2018 secara keseluruhan adalah tahun konstruktif kerana berjaya melaksanakan dasar pendidikan dirancang, dengan melakukan penambahbaikan holistik dan berterasan, sejak kerajaan baharu



[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR /BH]

Mazlee ketika sesi bercerita kepada murid di Lanai Baca, selepas merasmikan Prapelancongan Kempen Dekad Membaca Kebangsaan di Putrajaya, baru-baru ini.

dengan era IR4.0.

7. Membolehkan kanak-kanak warganegara Malaysia tanpa dokumen masuk sekolah.



8. Kajian rintis bagi menangani masalah keciciran murid bagi membolehkan setiap murid masuk sekolah.

9. Membentuk Jawatankuasa Pemerikasaan TVET dan menyemak keperluan institusi TVET.



10. Membangunkan pelan pembangunan yang lebih menyeluruh bagi menangani isu sekolah daif, sekolah dua sesi dan isu sekolah padat.

11. Memperkenalkan Kempen Dekad Membaca Kebangsaan.



12. Memperkasa pendidikan tahfiz menerusi penambahbaikan program tahfiz dengan Sekolah Kebangsaan dan Menengah Kebangsaan.

13. Pembukaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Pertama di Putrajaya.



14. Memperkenalkan sistem e-scroll bagi mengelakkan penipuan dan pemalsuan ijazah.

15. Kerjasama bersejarah antara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) danpertubuhan Dong Zhong.



ubentuk susulan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

KPM di bawah kepimpinan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik memperkenalkan lebih 50 inisiatif baharu sepanjang 2018, untuk pelajar pada semua peringkat, sekaligus memartabatkan sistem pendidikan negara.

Ekoran penggabungan dua kementerian kini dikenali KPM pada Mei lalu, langkah semakan, penyusunan dan penstrukturan semula sedang dilaksanakan pada semua peringkat, bagi capai kecemerlangan pada 2019.

Sepanjang 2018, KPM mengambil pendekatan holistik memartabatkan dan mempertingkatkan sistem pendidikan, untuk masa depan anak kita.

Sebagai tambahan kepada badan penasihat sedia ada, KPM membentuk Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKD) yang terdiri daripada 13 anggota susulan keputusan Jemaah Menteri.

JKD akan bekerjasama dengan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) untuk mengkaji dasar pendidikan negara, sebelum membuat syor kepada KPM pada 30 April 2019.

Mansuh AUKU

Antara inisiatif penting menjadi kenyataan ialah pemansuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971.

Seksyen 15(2)(c) AUKU dimansuhkan menerusi pindaan yang diluluskan oleh Parlimen pada Disember 2018.

Maszlee memberi komitmen AUKU akan dimansuhkan se-

penubuhan pada 2020 dan digantikan dengan akta baharu.

Pada peringkat sekolah, KPM menggerakkan usaha mengurangkan beban guru daripada tugas perkeranian.

Susulan perbincangan dengan pelbagai pemegang taruh, pelaksanaan akan menjadi kenyataan tahun ini dan butiran akan diumumkan Maszlee pada 14 Januari depan.

KPM juga mengambil langkah melaksanakan dasar pendidikan untuk semua, dengan membolehkan 60 peratus pelajar daripada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) memasuki Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

Kementerian memutuskan melaksanakan dasar *Zero Reject Policy*, bagi membolehkan lebih ramai Murid Berkeperluan Khas (MBK) akses kepada sistem pendidikan berkualiti.

Pada akhir Oktober 2018, KPM mengumumkan keputusan memansuhkan peperiksaan bagi murid Tahap Satu dan digantikan dengan pentaksiran dalam bilik darjah mulai 2019.

KPM juga berusaha menjamin kebajikan peminjam PTPTN, selari dengan komitmen kerajaan baharu.

Keputusan menggugurkan senarai hitam larangan ke luar negara pada 8 Jun 2018, adalah berita baik kepada seramai 429,945 peminjam.

Empat insentif turut diumumkan dalam Belanjawan 2019 bagi menjamin kebajikan peminjam PTPTN, antaranya memberi kelepasan bayaran balik pinjaman bagi mereka dari kumpulan B40 dan M40 yang lulus kelas pertama.

KPM juga mengucapkan tahniah dan penghargaan di atas kejayaan direkodkan warga Kementerian, pada pelbagai peringkat.

Ini termasuk bidang sukan yang memperoleh 37 pingat emas, melebihi sasaran dalam temasya Sukan Universiti-Universiti ASEAN 2018.

KPM di bawah Maszlee terus komited membawa penambahbaikan sistem pendidikan negara, dalam tempoh lima tahun akan datang.

Inisiatif 2019

→ **Sembilan** intervensi akan dilaksanakan untuk mengurangkan beban tugas guru.

→ **Akta** Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan 2018), susulan pemansuhan Seksyen 15(2)(c) yang membolehkan mahasiswa terbahit dalam aktiviti politik tanpa sekatan, akan dilaksanakan memabatkan Universiti Awam (UA).

→ **Pelaksanaan** sasaran mengambil 60 peratus pelajar Sekolah Berasrama Penuh (SBP) daripada kalangan keluarga B40, sekali gus mengembalikan semangat pelaksanaan SBP.

→ **Pemansuhan** peperiksaan Tahap Satu (bagi murid Tahun 1, 2 dan 3) dan digantikan dengan pentaksiran dalam bilik darjah.

→ **Pelaksanaan Zero Reject Policy** bagi membolehkan lebih ramai Murid Berkeperluan Khas (MBK) mengikuti alam persekolahan.

→ **Empat** insentif baharu PTPTN, iaitu potongan pinjaman kepada pelajar daripada isi rumah B40 dan M40 yang mendapat keputusan Kelas Pertama,

pelepasan cukai kepada syarikat yang membantu menyelesaikan baki pinjaman pekerja bagi tahun berakhir 2019, mengah-pus kira hutang kepada peminjam berusia 60 tahun ke atas yang berpendapatan RM4,000 ke bawah dan pelepasan tak-siran cukai pendapatan bagi SSPN dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM8,000 setahun.

→ **Memperkenalkan** Manual Nilai Murni bagi melahirkan generasi bersahsiah tinggi, dengan menekankan nilai sivik dan komponen manusiawi dalam sistem pembelajaran serta pengajaran.

→ **Penubuhan** Jawatankuasa Penambahbaikan Kurikulum dan Buku Teks Sejarah.

→ **Mengadakan** Kempen Dekad Membaca Kebangsaan memabatkan semua peringkat, bagi meningkatkan budaya membaca menjelang 2030.

→ **Penyumbang** kepada tabung penyelenggaraan sekolah kerajaan dan institut pengajian tinggi awam, layak menuntut potongan cukai dalam pengiraan cukai pendapatan.

→ **Memperkenalkan** Dana Wibawa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), bagi menggalak institusi latihan bersaing menawarkan program latihan yang lebih kompetitif.

Selari matlamat melahirkan persekitaran pendidikan untuk semua dan tagline 'kegembiraan, kasih sayang dan hormat-menghormati,' KPM yakin 2019 menyumbang perubahan menyeluruh, dalam memartabatkan sistem pendidikan negara dengan menghimpunkan tenaga serta sumber yang ada.